

Surat Dr M pada bekas PM Israel akan didedah
MalaysiaKini.com
February 26,2012

Kerajaan akan mendedahkan isi kandungan perutusan surat antara bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Perdana Menteri Israel Ehud Barak awal minggu depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata beliau telah mengarahkan Wisma Putra untuk menyemak surat tersebut dan mendapati ia boleh disiarkan untuk umum, lapor Bernama.

"Wisma Putra telah memberi ulasan dan saya sendiri juga telah menyemak surat tersebut," beliau dipetik sebagai berkata kepada pemberita di SJKC Yoke Kuan di Sekinchan.

"Esok lusa, kita akan mengambil langkah untuk membenarkan surat itu diterbitkan secara terbuka, supaya rakyat faham tujuan Tun Dr Mahathir menulis surat itu untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang menuntut kepada satu negara Palestin yang berdaulat."

Katanya, surat tersebut menunjukkan keprihatinan Dr Mahathir dalam proses kedamaian di Timur Tengah dan isi kandungannya juga menepati dasar kerajaan Malaysia dari dahulu hingga sekarang.

Beliau berkata isu surat itu telah dimanipulasikan oleh pihak pembangkang yang sengaja mahu membangkitkan rasa sangsi rakyat terhadap pendirian kerajaan dalam isu ini, tetapi yang sebenarnya mereka mahu mengalihkan perhatian rakyat terhadap isu ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah menyatakan sokongan terhadap Israel.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/190342>